

28/10/2001

Rakyat perlu tolak hasutan

Shariffudin Mohamed

PEKAN: Sultan Pahang mahu rakyat menolak sebarang kegiatan hasutan dan dakyah pihak tertentu yang boleh memecahbelahkan perpaduan mereka, terutama di kalangan umat Islam.

Baginda bertitah, sebenarnya, semangat perpaduan dan saling bantu membantu di kalangan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama boleh membawa kepada kestabilan dan keamanan.

"Janganlah kita menjejaskan usaha memupuk perpaduan hanya disebabkan salah faham mengenai sesuatu perkara yang sengaja diberikan tafsiran tidak tepat oleh pihak berkepentingan dan ingin melihat umat Islam lemah dan berpecah-belah.

"Hanya melalui perpaduan, umat Islam boleh menumpukan segala usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan membabitkan fardu ain dan fardu kifayah," titahnya.

Justeru, Sultan Pahang menegaskan jika umat Islam maju, agama Islam secara langsung akan lebih terserlah dan dihormati orang lain.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Pahang, sempena Hari Keputeraannya ke-71, di Istana Abu Bakar, di sini, semalam.

Turut hadir, Tengku Mahkota Pahang; Tengku Muda Pahang; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak; Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad; dan Ahli Exco Kerajaan Negeri.

Antara penerima darjah kebesaran ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Turut menerima darjah kebesaran sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Aseh Che Mat; Datuk Wong Yeon Chai, seorang ahli perniagaan; dan Naib Pengerusi Eksekutif Road Builders (M) Holding Bhd, Datuk Dr Chua Hock Chin.

Bekas Pengarang Malay Mail, Fauzi Omar; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lepar, Ahmad Tajuddin Sulaiman; Adun Bera, Mohd Hayani Abd Rahman dan Datin Rafeah Buang, pula menerima Darjah Kebesaran Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Datuk.

Penyanyi terkenal, Sheila Majid dianugerahkan Ahli Mahkota Pahang (AMP) manakala veteran Perang Dunia Kedua, Koperal (B) Abd Rahim Mohd Keteh, diberikan Setia Mahkota Pahang (SMP).

Mengulas keadaan politik dan ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang, baginda bertitah, sesuatu perkara yang berlaku di mana-mana tempat boleh memberi kesan kepada Malaysia.

Bagaimanapun, titahnya, melalui perancangan tertentu, Kerajaan Pusat pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mampu menghadapi ranjau berkenaan.

"Sesungguhnya pakej rangsangan ekonomi RM4.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri sebelum pembentangan Belanjawan Negara 2002 sudah pasti dapat membantu menjana kegiatan ekonomi dalam negara, termasuk Pahang.

"Belanjawan Negara 2002 itu juga adalah hadiah bukan saja kepada kakitangan kerajaan, bahkan masyarakat luar bandar dan pihak lain yang sepatutnya mendapat manfaat daripadanya," kata Sultan Pahang.

Bagi Kerajaan Pahang, baginda mahu Menteri Besar cuba mengekalkan sektor pertanian, perindustrian dan pelancongan sebagai asas kekuatan

ekonomi bagi menjamin pertumbuhan mantap walaupun mungkin bergerak agak perlahan.

Selain itu, titahnya, kesan daripada pembinaan projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang siap Ogos 2003 perlu dimanfaatkan kerajaan negeri dan rakyat.

Baginda bertitah, dasar keseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar wajar diteruskan bagi membolehkan pelbagai lapisan rakyat, termasuk Orang Asli mengecapi nikmat pembangunan.

"Begitu juga dasar Islam, menumpukan kepada pengeluaran barangan makanan, menambah bantuan pendidikan, membantu secara terus golongan daif dan tidak berupaya, membina lebih banyak rumah kos rendah, meningkat kemudahan asas dan memberi perhatian kepada golongan belia dan remaja," katanya.

(END)